

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7210**

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) adakah Kerajaan akan membuka semula pejabat pendaftaran negara dan Pejabat Imigresen Cawangan Sungai Pelek yang telah ditutup di Bandar Baru Salak Tinggi; dan

(b) adakah Kerajaan akan mempercepatkan pembinaan balai polis di Putra Perdana.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak bercadang untuk membuka semula Pejabat Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara Sungai Pelek berikutan KDN akan menggunakan pejabat sedia ada yang berdekatan iaitu Pejabat Imigresen dan Pejabat Pendaftaran Negara Cawangan Banting yang mempunyai kelengkapan infrastruktur yang lengkap selain mampu untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan Sungai Pelek yang jaraknya lebih kurang 25 kilometer sahaja.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, premis Balai Polis Putra Perdana ini pada asalnya telah disewa oleh pihak pemaju perumahan bagi kegunaan PDRM daripada pemilik persendirian sejak tahun 2003. Ia merupakan sebuah rumah kedai yang terletak di Lot 1326, Taman Putra Perdana. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, pemilik rumah kedai berkenaan telah menaikkan harga sewaan yang lebih tinggi mengikut kadar sewaan semasa.

Disebabkan kenaikan kadar sewaan itu, serta ketidakmampuan pihak pemaju untuk membayar sewaan tersebut maka pihak pemilik telah meminta pihak PDRM supaya mengosongkan premis sewaan berkenaan. Pihak

**PDRM tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa mengosongkan premis tersebut serta menghentikan sementara operasinya di premis berkenaan.**

**Lanjutan daripada itu, pihak PDRM telah mengambil tindakan susulan dengan mengenalpasti beberapa lokasi baru bagi tujuan meneruskan operasi balai berkenaan. Akhirnya pihak PDRM telah memilih untuk menumpang sementara operasi balai tersebut di Pondok Polis Putra Prima yang terletak kira-kira 7 km daripada balai polis sedia ada.**

**Oleh yang demikian, perlu ditegaskan bahawa Kerajaan sebenarnya tidak menutup, atau tidak pula berhasrat untuk menghentikan operasi Balai Polis Putra Perdana. Balai Polis tersebut masih beroperasi dan menjalankan tugas menjaga keselamatan dan ketenteraman awam seperti biasa kepada para penduduk di sekitar kawasan terbabit. Cuma lokasinya sahaja terpaksa dipindahkan ke premis yang berbeza disebabkan masalah sepertimana yang telah dijelaskan terdahulu.**

**Dalam hal ini, sebuah Balai Polis baru akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi penduduk di Putra Perdana.**

**Walau bagaimanapun, pihak PDRM bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri sentiasa memantau perkembangan di kawasan tersebut dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat keperluan untuk membina sebuah balai polis khusus di kawasan tersebut dalam masa terdekat.**